The current issue and full text archive of this journal is available at
https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal
DOI: https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v9i2.266

Mengintegrasikan Prinsip Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Ekonomi Kitaran: Analisis Terhadap Kerangka Kawalselia di Malaysia

Integrating Maqasid Shariah Principles into the Circular Economy: An Analysis of Malaysia's Regulatory Framework

Submitted date: 23 September 2026
Revised date: 27 October 2026
Acceptance date: 31 October 2026
Available online: 31 October 2026

TUAN NAJMI SYAFIQ TUAN YACOB
RUZIAN MARKOM
(Corresponding Author)
Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43650 Bangi Selangor, Malaysia.
Shafiqyacob7@gmail.com
ruzian@ukm.edu.my

ABSTRAK

Ekonomi kitaran merupakan pendekatan pembangunan yang beralih daripada model linear "ambil-buat-buang" kepada sistem yang menekankan kecekapan penggunaan sumber, pengurangan sisa dan pemulihan sistem semula jadi. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya memerlukan kerangka kawal selia yang bukan sahaja menyokong kecekapan ekonomi dan kelestarian alam sekitar, tetapi turut mengambil kira dimensi etika, keadilan sosial dan kesejahteraan antara generasi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis potensi integrasi prinsip Maqasid Syariah dalam kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia serta mencadangkan satu kerangka integrasi yang bersesuaian dengan konteks perundangan dan dasar negara. Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal dan analisis dokumen terhadap instrumen perundangan, dasar serta dokumen berkaitan ekonomi kitaran di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa prinsip Maqasid Syariah, khususnya pemeliharaan nyawa, akal, keturunan, harta dan alam sekitar, dapat menyediakan asas normatif untuk memperkukuh orientasi etika dan kemaslahatan dalam pelaksanaan ekonomi kitaran. Walau bagaimanapun, penyelarasan antara instrumen kawal selia, pelaksanaan sektoral dan tanggungjawab institusi masih memerlukan pengukuhan. Berdasarkan analisis tersebut, kajian ini mencadangkan Kerangka Integrasi Kawal Selia Ekonomi Kitaran Berasaskan Maqasid Syariah yang menghubungkan prinsip normatif Maqasid Syariah dengan objektif ekonomi kitaran, instrumen kawal selia, pelaksanaan sektoral serta hasil dan impak yang boleh dinilai. Kerangka ini berpotensi menyokong pembangunan ekonomi kitaran yang lebih beretika, inklusif dan bertanggungjawab, di samping memperkukuh keadilan sosial dan kelestarian antara generasi di Malaysia.

Kata kunci: Maqasid Syariah, Ekonomi Kitaran, Kawal Selia, Kelestarian, Keadilan Antara Generasi

The current issue and full text archive of this journal is available at
https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal

ABSTRACT

The circular economy represents a shift from the linear "take-make-dispose" model towards a system that emphasises resource efficiency, waste reduction and the restoration of natural systems. However, its implementation requires a regulatory framework that addresses not only economic efficiency and environmental sustainability but also ethical considerations, social justice and intergenerational well-being. This study examines the potential integration of Maqasid al-Shariah principles into Malaysia's circular economy regulatory framework and proposes an integrative framework suited to the country's legal and policy context. It adopts a qualitative approach based on doctrinal legal research and document analysis of legislation, policies, and relevant documents concerning the circular economy in Malaysia. The findings indicate that Maqasid al-Shariah principles, particularly the protection of life, intellect, progeny, wealth and the environment, provide a normative foundation for strengthening the ethical and public-interest dimensions of circular economy implementation. Nevertheless, coordination among regulatory instruments, sectoral implementation, and institutional responsibilities requires further strengthening. In response, this study proposes a Maqasid al-Shariah-Based Circular Economy Regulatory Integration Framework that connects the normative principles of Maqasid al-Shariah with circular economy objectives, regulatory instruments, sectoral implementation, and assessable outcomes and impacts. The proposed framework has the potential to support a more ethical, inclusive, and accountable circular economy while strengthening social justice and intergenerational sustainability in Malaysia.

Keywords: Maqasid Al-Shariah, Circular Economy, Regulation, Sustainability, Intergenerational Justice

PENGENALAN

Krisis alam sekitar global yang semakin meruncing menuntut satu perubahan paradigma dalam pendekatan pembangunan ekonomi, iaitu daripada model ekonomi linear yang berasaskan konsep "ambil, guna dan buang" kepada model ekonomi kitaran yang lebih mampan dan berorientasikan pemulihan sumber. Model ekonomi linear yang mendominasi aktiviti ekonomi selama ini bukan sahaja mendorong penggunaan sumber secara tidak lestari, malah turut menyumbang kepada kemerosotan kualiti alam sekitar, penyusutan sumber asli dan kerosakan ekosistem yang semakin membimbangkan. Dalam konteks Malaysia, cabaran ini menjadi semakin mendesak memandangkan negara diunjurkan akan mengekstrak sehingga satu bilion tan sumber asli setiap tahun menjelang 2030 sekiranya corak penggunaan semasa berterusan. Keadaan tersebut bukan sahaja berpotensi meningkatkan pelepasan daripada sektor perindustrian, malah boleh memburukkan lagi isu pengurusan sisa melalui pertambahan sisa pembuatan yang dianggarkan mencecah 22 juta tan setahun (Zainal & Abas, 2019).

Sebagai respons terhadap cabaran tersebut, kerajaan Malaysia telah memperkukuh agenda kelestarian melalui pelbagai inisiatif dasar, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kerangka Dasar Ekonomi Kitaran, yang bertujuan mempercepatkan transformasi ekonomi ke arah pembangunan rendah karbon dan pencapaian

matlamat sifar bersih. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ekonomi kitaran pada masa ini masih banyak tertumpu kepada aspek kecekapan teknikal, pengurusan sisa, dan pengoptimuman penggunaan sumber. Velenturf dan Purnell (2021) menegaskan bahawa ekonomi kitaran perlu difahami dalam kerangka kelestarian yang lebih luas, dengan mengambil kira batas ekologi, keadilan sosial, kemakmuran ekonomi dan keadilan antara generasi. Perspektif ini menyediakan asas kritikal bagi kajian ini untuk meneliti integrasi nilai Maqasid Syariah dalam kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia.

Sehubungan itu, pengintegrasian Maqasid Syariah berpotensi menyediakan suatu kerangka normatif yang lebih holistik dalam pelaksanaan ekonomi kitaran melalui penekanan terhadap pemeliharaan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*), nyawa (*hifz al-nafs*) dan harta (*hifz al-mal*) demi merealisasikan kesejahteraan menyeluruh (*maslahah*). *Hifz al-bi'ah* digunakan sebagai dimensi normatif berkaitan pemeliharaan alam sekitar, manakala lima daruriyyat klasik ialah nyawa, agama, akal, keturunan dan hart Kerangka ini berpaksikan tanggungjawab manusia sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memelihara keseimbangan alam (*mizan*), mengelakkan kemudaratan serta memastikan pengagihan sumber yang adil antara generasi. Pendekatan tersebut bukan sahaja melengkapi objektif ekonomi kitaran dari sudut kecekapan penggunaan sumber dan pengurangan sisa, malah memperkukuh dimensi etika dan tanggungjawab sosial dalam pembangunan mampan.

Berdasarkan jurang kajian yang telah dikenal pasti, kajian ini dijalankan untuk menganalisis kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia serta meneliti potensi integrasi prinsip Maqasid Syariah dalam memperkukuh tadbir urus dan pelaksanaannya. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menjawab dua persoalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia distrukturkan, dan apakah cabaran perundangan, dasar serta institusi yang mempengaruhi pelaksanaannya?
2. Bagaimanakah prinsip Maqasid Syariah dapat diintegrasikan ke dalam kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia bagi memperkukuh kesepaduan kawal selia, penyelarasan institusi dan akauntabiliti?

Artikel ini disusun kepada beberapa bahagian. Bahagian seterusnya membincangkan sorotan literatur berkaitan konsep ekonomi kitaran dan Maqasid Syariah, termasuk asas pemikiran fiqh klasik dan kontemporari yang relevan dengan perlindungan alam sekitar, pemeliharaan sumber dan kemaslahatan masyarakat. Bahagian berikutnya meneliti perkembangan ekonomi kitaran di Malaysia serta landskap kawal selia dan dasar yang berkaitan. Perbincangan kemudian meneliti perkembangan kawal selia ekonomi kitaran di peringkat global dan implikasinya terhadap tadbir urus ekonomi kitaran. Seterusnya, artikel menganalisis cabaran, jurang kawal selia dan peluang untuk mengintegrasikan Maqasid Syariah dalam kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia. Berdasarkan analisis tersebut, kajian mengemukakan Kerangka Integrasi Kawal Selia Ekonomi Kitaran Berasaskan Maqasid Syariah sebagai sumbangan konseptual bagi memperkukuh kesepaduan kawal selia, penyelarasan institusi,

pemantauan dan akauntabiliti. Bahagian terakhir merumuskan penemuan utama kajian serta implikasi kerangka yang dicadangkan terhadap pembangunan dan pelaksanaan ekonomi kitaran di Malaysia.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan undang-undang doktrinal yang dilengkapi dengan analisis dokumen. Pendekatan doktrinal digunakan untuk meneliti, mentafsir dan menilai prinsip undang-undang, peruntukan perlembagaan, statut, instrumen kawal selia serta dasar kerajaan yang berkaitan dengan pelaksanaan ekonomi kitaran di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti kedudukan undang-undang sedia ada, pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, serta tahap keselarasan antara instrumen perundangan dan dasar yang berkaitan dengan pengurusan sisa, kelestarian alam sekitar dan peralihan kepada ekonomi kitaran.

Analisis dokumen pula dilaksanakan secara sistematik terhadap sumber perundangan dan dasar terpilih bagi mengenal pasti objektif pengawalseliaan, skop pemakaian, bentuk kewajipan yang diwujudkan, mekanisme pelaksanaan serta hubungan antara instrumen tersebut. Perhatian diberikan kepada perbezaan antara peruntukan undang-undang yang mewujudkan kewajipan atau kuasa penguatkuasaan dengan dokumen dasar, garis panduan dan kerangka strategik yang menetapkan hala tuju atau sasaran dasar. Perbezaan ini penting bagi mengelakkan komitmen dasar ditafsirkan secara automatik sebagai kewajipan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan.

Seterusnya, bahan yang dianalisis diteliti secara tematik berdasarkan enam dimensi, iaitu (i) pembahagian kuasa dan fragmentasi institusi; (ii) struktur dan konsistensi kerangka perundangan; (iii) kewajipan pelaksanaan dan mekanisme penguatkuasaan; (iv) prinsip Maqasid Syariah dan pertimbangan kemaslahatan; (v) pembiayaan mampan serta tadbir urus Syariah; dan (vi) penyelarasan dasar dan akauntabiliti institusi. Analisis ini turut menggunakan prinsip Maqasid Syariah sebagai kerangka normatif untuk menilai sejauh mana pengaturan undang-undang dan dasar menyokong pemeliharaan alam sekitar, pencegahan kemudaratan, penggunaan sumber secara bertanggungjawab dan pencapaian maslahah awam.

Sumber kajian dibahagikan kepada sumber primer dan sumber sekunder seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1. Sumber primer merangkumi bahan perundangan dan dokumen rasmi kerajaan yang relevan, manakala sumber sekunder terdiri daripada penulisan akademik yang ditelaah rakan sebaya serta karya fiqh dan Maqasid Syariah yang menjadi asas konseptual kajian. Pemilihan sumber dibuat berdasarkan kaitannya dengan persoalan kajian dan kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia. Kajian ini bersifat doktrinal dan berasaskan dokumen; oleh itu, dapatan utamanya berkaitan struktur, kandungan dan implikasi normatif instrumen yang dianalisis, terhadap tahap pematuhan industri atau keberkesanan penguatkuasaan di lapangan.

Jadual 1. Sumber Penyelidikan dan Kegunaannya dalam Analisis

Kategori Sumber	**Sumber yang dicadangkan**	**Tujuan Analisis**
Sumber primer	Perlembagaan Persekutuan, khususnya Perkara 74–75 dan Jadual Kesembilan	Menganalisis pembahagian kuasa perundangan antara Persekutuan dengan negeri serta implikasinya terhadap penyelarasan kawal selia.
Sumber primer	Statut Environmental Quality Act 1974 (Act 127); Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007 (Act 672); Local Government Act 1976 (Act 171)	Meneliti asas perundangan berkaitan perlindungan alam sekitar, pengurusan sisa pepejal dan peranan pihak berkuasa tempatan.
Sumber primer	Pindaan statut Environmental Quality (Amendment) Act 2024 (Act A1715)	Mengenal pasti perubahan undang-undang yang berkaitan dengan kawal selia alam sekitar. Peruntukan khusus yang relevan perlu disahkan berdasarkan teks rasmi.
Sumber primer	Dasar dan pelan tindakan kerajaan. Malaysia Plastics Sustainability Roadmap 2021–2030; Circular Economy Policy Framework for the Manufacturing Sector (MITI, 2024); dokumen dasar berkaitan ekonomi kitaran dan pengurusan sisa oleh KPKT	Menganalisis sasaran dasar, strategi pelaksanaan, instrumen sokongan dan hubungan antara dasar dengan undang-undang bertulis.
Sumber primer	Kerangka kewangan mampan Climate Change and Principle-based Taxonomy (CCPT), Bank Negara Malaysia; Sustainable and Responsible Investment Taxonomy, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	Meneliti bagaimana prinsip kelestarian dan kriteria kewangan mampan boleh menyokong pembiayaan infrastruktur ekonomi kitaran, tertakluk pada skop setiap kerangka.
Sumber sekunder	Artikel akademik Artikel jurnal peer-reviewed berkaitan ekonomi kitaran, tadbir urus alam sekitar, pelaksanaan dasar, tanggungjawab pengeluar dan pembiayaan mampan	Membina konteks literatur, mengenal pasti jurang penyelidikan dan menilai isu pelaksanaan serta cabaran kawal selia.
Sumber sekunder	Karya fiqh dan Maqasid Syariah Karya al-Ghazali, al-Shatibi,	Membentuk asas normatif bagi menilai perlindungan alam sekitar, pencegahan

	Ibn Ashur dan Jasser Auda yang relevan dengan maslahah, daruriyyat dan pendekatan sistem terhadap Maqasid Syariah	kemudaratan, pemeliharaan sumber dan kepentingan awam.
Sumber sekunder	Kajian dan laporan sokongan Kajian dan laporan berkaitan sisa plastik, amalan kitar semula, tanggungjawab pengeluar diperluas (Extended Producer Responsibility, EPR) dan pelaksanaan industri di Malaysia	Memberikan konteks tentang cabaran pelaksanaan; dapatan digunakan hanya setakat yang disokong oleh kajian atau laporan berkenaan.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur mendedahkan peningkatan minat yang signifikan dalam kalangan sarjana untuk menghubungkan ekonomi kitaran (CE) dengan prinsip Maqasid Syariah sebagai respons terhadap krisis ekologi global yang semakin meruncing. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa model ekonomi linear tradisional yang berasaskan paradigma "ambil, guna dan buang" telah menyumbang kepada eksploitasi sumber asli secara berlebihan, peningkatan pencemaran dan kemerosotan ekosistem. Dalam konteks ini, Maqasid Syariah dilihat berpotensi menyediakan asas etika yang dapat melengkapi objektif ekonomi kitaran melalui penekanan terhadap tanggungjawab manusia dalam mengurus sumber alam secara lestari dan berhemah.

Yussuf (2022) merupakan antara sarjana yang menegaskan bahawa konsep ekonomi kitaran (CE) mempunyai keselarasan yang signifikan dengan objektif Maqasid Syariah melalui pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*). Keselarasan ini dicapai melalui usaha mengurangkan pencemaran serta meminimumkan pembaziran sumber asli dalam aktiviti ekonomi. Beliau berhujah bahawa peralihan daripada model ekonomi linear yang bersifat pembaziran kepada sistem ekonomi kitaran yang lebih restoratif mencerminkan peranan manusia sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara keseimbangan alam (*mizan*). Pandangan ini turut disokong oleh Javaid (2022) yang menyatakan bahawa aktiviti ekonomi dalam masyarakat Islam secara asasnya mempunyai kecenderungan untuk bersifat kitaran (*circular by default*), selaras dengan tuntutan agama yang menekankan prinsip anti-israf, iaitu larangan terhadap pembaziran dalam penggunaan sumber.

Asas teori kajian ini turut diperkukuh melalui perkembangan pemikiran Maqasid Syariah daripada tradisi fiqh klasik kepada pendekatan kontemporari. Al-Ghazali menekankan pemeliharaan lima kepentingan asas, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, sebagai antara tujuan utama Syariah. Kerangka ini menyediakan asas untuk menilai implikasi aktiviti ekonomi terhadap keselamatan manusia, penggunaan sumber dan perlindungan harta daripada pembaziran serta kemudaratan. Al-Shatibi pula memperkukuh pemahaman Maqasid melalui penekanan terhadap tujuan Syariah,

kemaslahatan manusia dan pertimbangan hubungan antara hukum dengan akibat pelaksanaannya. Dalam konteks ekonomi kitaran, pemikiran kedua-dua sarjana ini boleh digunakan untuk menilai sama ada pengaturan pengeluaran, penggunaan dan pengurusan sisa memelihara kepentingan asas manusia serta mencegah kemudaratan.

Perkembangan teori ini diteruskan oleh Ibn Ashur yang memberikan perhatian lebih luas terhadap Maqasid sebagai asas pembaharuan pemikiran hukum Islam dan pencapaian kemaslahatan masyarakat. Pendekatan tersebut relevan dalam menilai dasar awam yang melibatkan kepentingan kolektif, termasuk perlindungan alam sekitar dan keadilan antara generasi. Seterusnya, Auda (2008) mengembangkan pendekatan sistem terhadap Maqasid Syariah dengan menekankan sifat menyeluruh, multidimensi, keterbukaan dan orientasi tujuan. Pendekatan sistem ini amat relevan dengan ekonomi kitaran kerana peralihan daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran tidak bergantung pada pengurusan sisa semata-mata, tetapi turut melibatkan reka bentuk produk, pengeluaran, penggunaan, pembiayaan, tadbir urus dan penyelarasan institusi. Oleh itu, gabungan pemikiran klasik dan kontemporari Maqasid Syariah menyediakan asas normatif dan analitis bagi menilai sama ada kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia mampu menyepadukan perlindungan alam sekitar, kecekapan sumber, keadilan sosial dan akauntabiliti institusi.

Wacana ini diperkukuhkan lagi oleh Afandi dan Rahma (2025) yang memperkenalkan kerangka pembaharuan ekonomi Islam dengan meletakkan ekonomi kitaran sebagai instrumen etika bagi mencapai keseimbangan antara keadilan sosial dan kecekapan material secara keseluruhan. Sehubungan dengan itu, Priyatno et al. (2025) menekankan kepentingan prinsip *hifz al-bi'ah* (pemeliharaan alam sekitar) sebagai faktor pengantara utama dalam mencapai keadilan ekonomi (*al-'adl*), sekali gus menyokong pengagihan sumber yang lebih saksama merentas generasi. Selain itu, Ahmed (2026) memperluas perbincangan tentang pembangunan lestari melalui perbezaan antara sistem ekonomi Islam yang berorientasikan pematuhan formal terhadap Syariah dengan pendekatan *insanism* yang mengintegrasikan nilai etika dan objektif Maqasid Syariah dalam proses pengeluaran serta penggunaan modal. Menurut pendekatan ini, pematuhan terhadap keperluan formal sahaja tidak semestinya menjamin hasil ekonomi yang lestari sekiranya pertimbangan terhadap kebajikan manusia dan pemeliharaan alam sekitar tidak diterapkan dalam keputusan ekonomi. Perspektif ini relevan kepada ekonomi kitaran kerana peralihan daripada model ekonomi linear kepada penggunaan sumber yang lebih cekap memerlukan bukan sahaja perubahan teknologi dan amalan industri, tetapi juga orientasi etika yang menyokong pengurangan pembaziran dan pemeliharaan sumber. Walau bagaimanapun, penerapan prinsip tersebut dalam konteks Malaysia memerlukan penelitian lanjut terhadap instrumen perundangan, bidang kuasa institusi dan mekanisme penguatkuasaan yang dapat menterjemahkan matlamat normatif kepada tanggungjawab yang jelas dan boleh dinilai. Pendekatan ini turut memberi perhatian kepada kesan aktiviti ekonomi terhadap alam sekitar dan pembangunan lestari.

Dalam aspek aplikasi praktikal, Harahap dan Rahmat (2026) mencadangkan model perniagaan "Halal Hijau" yang meletakkan Maqasid Syariah sebagai kompas etika operasi, khususnya dalam usaha menukar sisa kepada sumber yang mempunyai nilai tambah tinggi. Sementara itu, Musari & Zaroni (2021) menekankan kepentingan pelaksanaan logistik berbalik dalam rantaian bekalan halal di peringkat ASEAN sebagai salah satu mekanisme utama untuk menyokong kelestarian industri dan kecekapan sumber. Di Malaysia, dokumen dasar seperti Kerangka Dasar Ekonomi Kitaran (MITI 2024) telah dirangka bagi mempercepatkan transformasi sektor pembuatan ke arah matlamat sifar bersih menjelang tahun 2050. Walau bagaimanapun, dapatan Azizah et al. (2022) menunjukkan bahawa amalan pengurusan sisa sedia ada secara tidak langsung telah memenuhi sebahagian elemen *daruriyyat*, meskipun tanpa penginstitusian kerangka etika Islam yang eksplisit dalam mekanisme kawal selia. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk merapatkan jurang dalam literatur dengan menganalisis pengintegrasian nilai-nilai Syariah ke dalam kerangka kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia, bagi memastikan transformasi ekonomi negara bukan sahaja bersifat teknokratik, tetapi juga lebih menyeluruh (*syumul*) dan berteraskan etika.

TEORI EVOLUSI EKONOMI KITARAN DI MALAYSIA

Perkembangan ekonomi kitaran di Malaysia menunjukkan satu transformasi yang signifikan dalam landskap ekonomi negara, daripada model ekonomi linear yang menekankan penggunaan sumber secara berterusan dan pelupusan selepas penggunaan kepada satu sistem ekonomi yang mengekalkan nilai sumber, bahan dan produk dalam rantaian ekonomi untuk tempoh yang lebih panjang melalui pendekatan yang bersifat restoratif dan regeneratif (Yussuf, 2022). Daumaa & Chashida (2025) menyatakan bahawa kebergantungan terhadap model ekonomi linear telah menggalakkan corak pengeluaran dan penggunaan yang tidak lestari, menyebabkan penyusutan sumber asli, peningkatan sisa buangan, serta pelbagai impak negatif terhadap keseimbangan ekologi dan kualiti alam sekitar. Sebagai satu pendekatan yang lebih mampan, ekonomi kitaran mengutamakan kecekapan penggunaan sumber, pengurangan penjanaan sisa melalui reka bentuk yang lestari, serta pemulihan sistem semula jadi, sekali gus menyokong keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan pemeliharaan alam sekitar (Afandi & Rahma, 2025).

Secara teoretis, perkembangan konsep ekonomi kitaran berakar daripada gagasan Boulding (1966) yang mengkritik andaian ekonomi konvensional mengenai kewujudan sumber yang tidak terhad. Beliau menekankan bahawa aktiviti ekonomi perlu mengambil kira keterbatasan sumber dan sempadan planet bagi memastikan kelestarian pembangunan dalam jangka panjang. Di Malaysia, evolusi ekonomi kitaran didorong oleh keperluan mendesak untuk menangani ketidaklestarian model penggunaan sumber sedia ada. Unjuran menunjukkan bahawa Malaysia berpotensi mengekstrak sehingga satu bilion tan sumber asli setiap tahun menjelang 2030 sekiranya corak penggunaan semasa tidak berubah. Menurut Awosusi et al. (2024), trend ini bukan sahaja bakal meningkatkan tekanan terhadap sumber semula jadi,

malah turut menyumbang kepada peningkatan pelepasan industri, kemerosotan kualiti alam sekitar dan pertambahan jumlah sisa yang memerlukan pengurusan yang lebih berkesan.

Evolusi ekonomi kitaran di Malaysia menunjukkan proses pembangunan yang berperingkat selaras dengan kematangan kerangka kawal selia negara. Pada fasa awal pelaksanaannya, pendekatan yang diambil lebih berorientasikan pengurusan sisa selepas penggunaan , dengan penglibatan pengeluar yang minimum dalam usaha mengurangkan impak alam sekitar sepanjang kitar hayat produk (Idris et al., 2025). Walau bagaimanapun, landskap ini semakin berkembang ke arah pendekatan yang lebih progresif dan menyeluruh. Dasar-dasar yang diperkenalkan kini tidak lagi tertumpu semata-mata kepada pengurusan sisa, sebaliknya merangkumi keseluruhan rantaian nilai, bermula daripada reka bentuk produk yang mesra alam , penggunaan sumber yang lebih cekap dalam proses pengeluaran, hinggalah kepada pelaksanaan mekanisme Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (*Extended Producer Responsibility*). Perubahan ini mencerminkan pengiktirafan bahawa pencapaian ekonomi kitaran yang matang memerlukan penglibatan aktif semua pihak berkepentingan, khususnya sektor pembuatan, dalam setiap peringkat kitar hayat produk. Kajian yang dibuat oleh Fatimah et al. (2020) turut menunjukkan bahawa penglibatan menyeluruh sektor ini merupakan antara faktor utama yang menentukan kejayaan peralihan ke arah ekonomi kitaran yang mampan dan berkesan. Bidin et al. (2023) menyatakan bahawa kerangka ini dibangunkan selaras dengan agenda pembangunan negara yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 , yang menekankan kemampanan sebagai elemen strategik dalam memperkukuh daya saing ekonomi, meningkatkan kecekapan penggunaan sumber, serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan berdaya tahan. Di samping faktor domestik, perkembangan ini turut didorong oleh dinamika global, termasuk peningkatan penekanan pasaran terhadap prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus serta perubahan corak Pelaburan Langsung Asing yang kini lebih mengutamakan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, khususnya dalam sektor kitar semula dan pemulihan sumber (MITI, 2024).

Kesimpulannya, teori evolusi ekonomi kitaran di Malaysia memperlihatkan peralihan daripada pendekatan pengurusan sisa yang bersifat teknikal dan reaktif kepada satu sistem ekonomi yang lebih holistik dan bersepadu. Dengan memberi penekanan kepada peningkatan kadar penggunaan bahan kitaran serta produktiviti sumber, Malaysia berpotensi bukan sahaja mengurangkan pelepasan karbon, malah menjana penjimatan kos yang signifikan serta mewujudkan peluang pekerjaan hijau yang lebih berkualiti untuk jangka masa panjang (Ali et al., 2024).

TREND KAWAL SELIA GLOBAL EKONOMI KITARAN

Di peringkat global, trend kawal selia dalam ekonomi kitaran (CE) menunjukkan perubahan paradigma yang signifikan, iaitu daripada pendekatan tradisional yang menumpukan kepada pengurusan sisa di peringkat akhir (*end-of-pipe*) kepada pendekatan yang lebih menyeluruh, yang menekankan pencegahan di peringkat

sumber melalui reka bentuk sistem, kecekapan penggunaan sumber, dan pengurangan penjanaan sisa sejak awal rantaian nilai (Murthy & Ramakrishna, 2022). Menurut Campra et al. (2021), evolusi ini didorong oleh kesedaran bahawa model ekonomi linear tradisional tidak lagi berupaya menampung pertumbuhan populasi dunia, yang dijangka akan memberikan tekanan yang semakin tinggi terhadap sumber asli menjelang tahun 2050.

Kesatuan Eropah (EU) memainkan peranan sebagai peneraju utama dalam agenda ekonomi kitaran global melalui pelaksanaan dasar strategik seperti *European Green Deal* (2019) dan *Circular Economy Action Plan* (CEAP) 2020, yang bertujuan mempercepatkan peralihan ke arah sistem ekonomi yang lebih mampan dan rendah karbon (Bonoli et al., 2021). Salah satu instrumen kawal selia yang signifikan ialah Regulation (EU) 2024/1781 yang dikenali sebagai *Ecodesign for Sustainable Products Regulation* (ESPR), yang memperkenalkan keperluan mandatori berkaitan aspek kelestarian, ketahanan produk, serta penggunaan bahan kitar semula bagi semua produk fizikal yang ingin memasuki pasaran Kesatuan Eropah. ESPR menyediakan kerangka untuk menetapkan keperluan reka bentuk ekologi bagi produk yang berkaitan, dengan tujuan meningkatkan ketahanan, kebolehbaikan, kebolehgunaan semula dan kebolehkitaran produk serta mengurangkan kesan alam sekitar sepanjang kitar hayatnya. Gabungan instrumen ini menunjukkan bahawa peralihan kepada ekonomi kitaran di EU tidak hanya bergantung pada sasaran dasar, tetapi turut disokong oleh mekanisme perundangan yang boleh menetapkan kewajipan dan keperluan pematuhan tertentu. Instrumen kawal selia ini bukan sahaja memberi kesan kepada pengeluar domestik di Eropah, malah turut mewujudkan cabaran pematuhan bagi negara pengeksport seperti Malaysia, khususnya dalam sektor Elektrik dan Elektronik (Rizos & Bryhn, 2022).

Jadual 2: Jenis Cabaran Pematuhan Kawal Selia EU Yang Relevan Kepada Pengeksport

No.	Jenis Cabaran	Contoh berkaitan kawal selia EU
1	Teknikal & reka bentuk	Keperluan ketahanan, kebolehbaikan, dan sekatan bahan terhad di bawah kawal selia *Ecodesign, RoHS, dan REACH.*
2	Pentadbiran & pelaporan	Proses pendaftaran, pelaporan data produk, pengurusan yuran *WEEE/EPR*, serta isu perbezaan tafsiran undang-undang antara negara anggota EU.
3	Perundangan & rantaian bekalan	Tanggungjawab pengeluar yang merentasi rantaian nilai serta sempadan; membawa risiko liabiliti undang-undang kepada pembekal di luar EU.

Sumber: Olahan penulis berdasarkan perundangan dan dokumen rasmi Kesatuan Eropah (EU), termasuk Ecodesign for Sustainable Products Regulation (Regulation (EU) 2024/1781), RoHS Directive (Directive 2011/65/EU), REACH Regulation (Regulation (EC) No 1907/2006), dan WEEE Directive (Directive 2012/19/EU), serta kerangka Extended Producer Responsibility (EPR).

Dari sudut kebolehkuatkuasaan undang-undang, pendekatan Kesatuan Eropah (EU) memperlihatkan penggunaan instrumen perundangan yang menetapkan kewajipan khusus terhadap negara anggota dan pihak berkepentingan dalam rantaian nilai produk. Directive 94/62/EC mengenai pembungkusan dan sisa pembungkusan merupakan antara instrumen awal yang menetapkan objektif berkaitan pencegahan dan pengurusan sisa pembungkusan. Walau bagaimanapun, perkembangan perundangan EU telah membawa kepada penerimaan Regulation (EU) 2025/40 mengenai pembungkusan dan sisa pembungkusan, yang memansuhkan Directive 94/62/EC dan mula terpakai pada 12 Ogos 2026. Peraturan ini memperkukuh pendekatan yang lebih seragam terhadap reka bentuk pembungkusan, pengurangan sisa, kebolehgunaan semula, kebolehkitaran dan tanggungjawab pengeluar. Berbeza daripada arahan yang memerlukan pelaksanaan melalui undang-undang negara anggota bagi mencapai objektif yang ditetapkan, peraturan EU pada prinsipnya terpakai secara langsung di negara anggota.

Sebaliknya, landskap kawal selia ekonomi kitaran di Malaysia melibatkan gabungan undang-undang alam sekitar yang mengikat, dasar kerajaan, pelan tindakan sektoral dan inisiatif industri. Oleh itu, Malaysia tidak boleh dianggap bergantung sepenuhnya pada instrumen yang tidak mengikat. Walau bagaimanapun, kewujudan undang-undang alam sekitar tidak semestinya membentuk satu kerangka ekonomi kitaran yang menyeluruh dan bersepadu, khususnya dari segi reka bentuk produk, tanggungjawab pengeluar sepanjang kitar hayat produk, pengurangan sisa dan penyelarasan pelaksanaan antara sektor. Perbezaan ini menunjukkan kepentingan menilai bukan sahaja kewujudan instrumen kawal selia, tetapi juga skop kewajipan undang-undang, pihak yang bertanggungjawab, mekanisme pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang tersedia. Dalam konteks ini, pengintegrasian prinsip Maqasid Syariah boleh membantu menyediakan orientasi normatif bagi menyelaraskan objektif kawal selia, tanggungjawab institusi dan akauntabiliti dalam pembangunan ekonomi kitaran di Malaysia.

Di rantau Asia, Jepun merupakan antara negara terawal yang mengambil langkah sistematik ke arah ekonomi kitaran sejak awal 1990-an, yang kemudiannya diperkasakan melalui penggubalan dan penguatkuasaan *Basic Act on Establishing a Sound Material-Cycle Society* pada tahun 2000 bagi membentuk sebuah masyarakat yang berasaskan kitaran bahan yang lebih cekap dan mampan (Arai et al., 2023). China pula telah menginstitusikan ekonomi kitaran sebagai sebahagian daripada agenda dasar nasional melalui *Circular Economy Promotion Law* (2008), serta memperkukuh pelaksanaannya menerusi dasar *National Sword* pada tahun 2017 yang mengehadkan import sisa plastik. Dasar ini bukan sahaja memperkukuh pengurusan sisa domestik, tetapi turut mencetuskan perubahan struktur dalam aliran perdagangan global bagi bahan kitar semula (Yoshida, 2022). Di peringkat serantau, negara-negara ASEAN telah menerima pakai *Framework for Circular Economy for the ASEAN Economic Community* yang bertujuan untuk menyelaras piawaian berkaitan produk kitaran serta memudahkan perdagangan hijau, sekali gus memperkukuh integrasi ekonomi serantau ke arah pembangunan yang lebih mampan (Emami et al., 2025). Hal ini menjadikan

rantau ASEAN tidak terkebelakang dalam aspek pemerkasaan kitaran ekonomi dalam menuju sebuah rantau yang berteraskan pembangunan lestari.

Selain itu, kawal selia berasaskan sektor kini menjadi semakin ketat, khususnya dalam bidang plastik dan bahan kimia. Sejak Denmark memperkenalkan levi ke atas beg plastik pada tahun 1994, dunia telah menyaksikan peningkatan ketara dalam pelaksanaan larangan terhadap plastik sekali guna serta pengenalan skim Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (*Extended Producer Responsibility*), yang mewajibkan pengeluar bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa produk sepanjang kitar hayatnya (Knoblauch et al., 2018). Bagi sektor kimia, kawal selia *Registration, Evaluation, Authorisation and Restriction of Chemicals* (REACH) yang diperkenalkan oleh Kesatuan Eropah (EU) telah muncul sebagai penanda aras global dalam pengawalseliaan bahan kimia. Pendekatan ini kemudiannya diadaptasi oleh beberapa negara lain, termasuk Korea Selatan melalui K-REACH, dengan tujuan memperkukuh ketelusan, kebolehkesanan dan pengurusan risiko bahan kimia sepanjang rantaian bekalan (Borchert et al., 2022).

Secara keseluruhannya, trend kawal selia global dalam ekonomi kitaran tidak lagi dilihat sebagai suatu pilihan, sebaliknya telah menjadi keperluan asas bagi memastikan akses berterusan ke pasaran antarabangsa yang semakin menitikberatkan kriteria Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Dalam konteks Malaysia, perkembangan ini menuntut tahap kesiapsiagaan yang lebih tinggi dalam kalangan industri untuk menyesuaikan operasi dan amalan perniagaan dengan piawaian global yang semakin ketat. Langkah tersebut penting bagi mengekalkan daya saing eksport negara, memperkukuh kedudukan dalam rantaian nilai global, serta menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang semakin tertumpu kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi, rendah karbon dan mampan.

Pelaksanaan Ekonomi Kitaran di Malaysia

Pengurusan sisa plastik menunjukkan bahawa peralihan kepada ekonomi kitaran di Malaysia berhadapan dengan cabaran yang melibatkan bukan sahaja teknologi dan infrastruktur, tetapi juga pelaksanaan dasar, penyelarasan institusi dan tingkah laku masyarakat. Chen et al. (2021), dalam kajian mengenai pengurusan, kitar semula dan pelupusan sisa plastik di Malaysia, mengenal pasti ketidakseragaman pelaksanaan inisiatif dasar antara negeri serta kekangan dari segi kesedaran dan penglibatan orang awam dalam aktiviti kitar semula. Penemuan ini menunjukkan bahawa kewujudan dasar dan kemudahan pengurusan sisa sahaja tidak menjamin pencapaian ekonomi kitaran yang berkesan. Kejayaan pelaksanaannya turut bergantung pada penyelarasan tindakan antara pihak berkuasa, industri dan masyarakat serta penguatkuasaan langkah pengurangan dan pemulihan sisa.

Cabaran tersebut turut dapat dilihat melalui penilaian WWF-Malaysia terhadap skim *Extended Producer Responsibility* bagi sisa pembungkusan. Penilaian tersebut mengemukakan cadangan supaya tanggungjawab pengeluar diperluas melangkaui peringkat pengeluaran dan penjualan kepada pengurusan produk serta

pembungkusan selepas digunakan. Antara elemen yang ditekankan ialah pembiayaan sistem pengumpulan, pengasingan dan kitar semula secara lebih sistematik, penubuhan organisasi tanggungjawab pengeluar sebagai pengendali skim, serta pemantauan dan kawalan oleh kerajaan (WWF-Malaysia, 2020). Cadangan ini memperlihatkan kepentingan mewujudkan mekanisme yang menghubungkan tanggungjawab pengeluar, pembiayaan pengurusan sisa dan akauntabiliti pelaksanaan. Walau bagaimanapun, cadangan dasar tersebut tidak dengan sendirinya membuktikan bahawa semua pengeluar di Malaysia telah atau belum mematuhi kewajipan undang-undang tertentu.

Secara keseluruhannya, bukti ini menunjukkan bahawa cabaran ekonomi kitaran di Malaysia perlu dianalisis dari perspektif yang lebih menyeluruh daripada prestasi teknikal kitar semula semata-mata. Kejelasan tanggungjawab, konsistensi pelaksanaan dasar, pembiayaan, pemantauan dan akauntabiliti merupakan unsur penting dalam memastikan bahan dapat dikekalkan dalam kitaran ekonomi dan sisa dapat dikurangkan. Dalam konteks kajian ini, isu tersebut juga menimbulkan persoalan tentang bagaimana prinsip Maqasid Syariah, termasuk pemeliharaan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*), pemeliharaan harta (*hifz al-mal*), kemaslahatan (*maslahah*) dan pencegahan kemudaratan (*dar' al-mafsadah*), dapat diterjemahkan kepada objektif serta mekanisme kawal selia yang lebih bersepadu.

KERANGKA MAQASID SYARIAH DALAM KONTEKS KELESTARIAN

Maqasid Syariah merupakan sebuah panduan terhadap hukum Islam yang mempunyai matlamat untuk mewujudkan kesejahteraan manusia (*maslahah*) dan mencegah kerosakan (*mafsadah*). Kerangka konvensional Maqasid Syariah meliputi pemeliharaan lima elemen dasar atau *daruriyyat*, iaitu agama (*din*), nyawa (*nafs*), akal (*aql*), keturunan (*nasl*), dan harta (*mal*). Dalam konteks kelestarian yang lebih moden, sarjana dan ilmuwan kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi dan Abdul Majid An-Najar menekankan bahawa pemeliharaan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*) perlu diutamakan sebagai komponen kritikal kerana pencemaran ekosistem secara langsung akan mengancam kelangsungan hidup manusia dan kelima-lima elemen asas tersebut (Khuluq & Asmuni, 2025).

Menurut Klongrua et al. (2025), Maqasid Syariah yang diterapkan dalam aspek kelestarian berperanan sebagai panduan etika yang mantap dengan menekankan kedudukan manusia sebagai khalifah di bumi. Peranan tersebut mewajibkan manusia untuk menjaga dan memelihara keseimbangan alam semula jadi (*mizan*) yang telah diciptakan oleh Tuhan dalam keadaan yang teratur dan harmoni.

Selain itu, pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*) ditekankan melalui konsep keadilan antara generasi, di mana generasi masa kini bertanggungjawab memastikan sumber asli dan persekitaran yang sihat serta mencukupi dapat diwarisi oleh generasi mendatang (Sugirman, 2023), manakala pemeliharaan akal (*hifz al-aql*) dapat diperkukuhkan menerusi pendidikan berteraskan kelestarian yang meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kesan buruk sisa toksik terhadap kesejahteraan

mental dan fizikal (Tripon et al., 2023). Kesimpulannya, Maqasid Syariah memperluas orientasi tindakan ekonomi daripada sekadar pematuhan terhadap tuntutan perundangan kepada penghayatan nilai etika yang berasaskan maslahah, pencegahan mafsadah dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah. Peralihan daripada homo islami-legalus kepada homo islami-ethicus ini menekankan bahawa pematuhan Syariah perlu disertai pertimbangan terhadap kesan aktiviti ekonomi kepada manusia dan alam sekitar.

SINERGI ANTARA MAQASID SYARIAH DAN EKONOMI KITARAN

Sinergi antara Maqasid Syariah dan ekonomi kitaran mewujudkan satu kerangka pembangunan yang bukan sekadar berpaksikan kecekapan teknikal semata-mata, malah berteraskan asas normatif dan etika yang syumul. Ekonomi kitaran, yang menekankan prinsip sisa-sifar dan pemulihan sistem semula jadi, dilihat sebagai manifestasi praktikal bagi mencapai kesejahteraan manusia (*maslahah*) dan mencegah kerosakan (*mafsadah*) yang menjadi teras utama Maqasid Syariah (Afandi & Rahma, 2025).

Daripada sudut pemeliharaan agama (*hifz al-din*), integrasi ini memperlihatkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memelihara keseimbangan alam (*mizan*) yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Sehubungan itu, amalan ekonomi kitaran seperti aktiviti kitar semula serta usaha mengurangkan penggunaan bahan dan tenaga yang mencemarkan alam dianggap sebagai satu bentuk pengabdian kepada Tuhan serta pelaksanaan tanggungjawab moral dan keagamaan dalam mencegah kemusnahan di bumi (Javaid, 2022).

Di samping itu, aspek pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan keturunan (*hifz al-nasl*) dapat direalisasikan melalui pelaksanaan ekonomi kitaran yang berupaya mengurangkan pencemaran alam sekitar serta risiko terhadap kesihatan manusia. Pendekatan ini turut menggalakkan keadilan antara generasi dengan memastikan sumber semula jadi digunakan secara berhemah dan tidak dieksploitasi secara berlebihan. Dengan cara ini, kelangsungan kehidupan dapat dipelihara di samping menjamin hak generasi masa hadapan untuk menikmati persekitaran yang bersih, selamat dan lestari (Eelager et al., 2025).

Dalam konteks pemeliharaan akal (*hifz al-aql*), penggunaan reka bentuk produk yang lestari serta pengurangan sisa dan bahan kimia berbahaya mampu mengurangkan risiko pencemaran yang boleh menjejaskan kesihatan mental dan keupayaan intelektual masyarakat. Pada masa yang sama, dalam konteks pemeliharaan akal (hifz al-'aql), kesedaran terhadap kesan aktiviti ekonomi terhadap alam sekitar dapat membantu membentuk tingkah laku ekonomi yang lebih lestari dan bertanggungjawab. Qiu et al. (2022), misalnya, menunjukkan bahawa mindfulness mempunyai hubungan positif dengan tingkah laku ekonomi yang mampan, sekali gus menunjukkan kepentingan kesedaran individu dalam membentuk keputusan ekonomi yang lebih bertanggungjawab.

Bagi aspek pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) pula, prinsip ini dapat direalisasikan melalui penekanan ekonomi kitaran terhadap penggunaan sumber secara cekap dan pengoptimuman nilai bahan sepanjang kitaran hayatnya (Harahap & Rahmat, 2026). Pendekatan tersebut selari dengan ajaran Islam yang menolak amalan pembaziran (*israf*) serta penggunaan harta secara berlebihan (*tabzir*). Dengan mengekalkan kegunaan dan nilai sumber untuk tempoh yang lebih panjang, ekonomi kitaran bukan sahaja mengurangkan pembaziran, malah membantu menurunkan kos operasi dan mengukuhkan daya saing ekonomi yang lebih mampan dan saksama (Javaid, 2022).

Akhirnya, pemeliharaan alam sekitar (hifz al-bi'ah) diiktiraf sebagai elemen penting yang menyokong usaha merealisasikan keadilan ekonomi (al-'adl). Pendekatan ini menekankan keperluan untuk mengubah cara berfikir dan bertindak daripada sekadar mematuhi kehendak perundangan dan prosedur teknikal (*homo islami-legalus*) kepada penghayatan nilai serta etika Maqasid Syariah secara menyeluruh (*homo islami-ethicus*) dalam setiap aktiviti ekonomi.

ANALISIS KERANGKA KAWAL SELIA EKONOMI KITARAN DI MALAYSIA

Di Malaysia, pelaksanaan ekonomi kitaran dipandu oleh Rangka Kerja Dasar Ekonomi Kitaran bagi Sektor Pembuatan (2024) yang diperkenalkan oleh MITI. Kerangka ini berfungsi sebagai pelan tindakan strategik di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dalam usaha menyokong pencapaian matlamat pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Skop pelaksanaannya meliputi keseluruhan rantaian nilai industri, termasuk pembangunan reka bentuk produk yang mesra alam, peningkatan kecekapan proses pembuatan, serta pengurusan sisa industri yang lebih sistematik dan mampan (Ahmed et al., 2025).

Antara inisiatif utama yang diperkenalkan ialah pelaksanaan Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan secara mandatori merujuk cadangan atau hala tuju dasar yang dinyatakan dalam dokumen berkenaan, kepada pembangunan taksonomi aktiviti ekonomi kitaran bagi menggalakkan penyaluran pelaburan hijau, serta pembentukan metrik kebangsaan untuk menilai dan memantau prestasi kitaran bahan secara lebih sistematik. Berdasarkan penanda aras antarabangsa, Malaysia kini sedang beralih daripada peringkat permulaan kepada peringkat perkembangan, yang mencerminkan usaha yang semakin giat dalam memperkukuh penglibatan pengeluar terhadap pengurusan sisa sejak dari peringkat sumber lagi (Tong et al., 2024).

Walaupun demikian, penelitian terhadap kerangka yang sedia ada mendapati bahawa penekanannya masih banyak tertumpu kepada aspek teknikal tanpa disokong oleh landasan etika yang dinyatakan secara jelas dalam dokumen dasar. Penggabungan prinsip Maqasid Syariah, khususnya melalui pemeliharaan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*) dan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*), berpotensi menyediakan asas nilai yang lebih menyeluruh bagi mengatasi kekurangan kesedaran dalam kalangan pihak industri. Selain itu, penyelarasan antara mekanisme teknokratik seperti pasaran penjanaan nilai daripada sisa dengan konsep tanggungjawab manusia sebagai

khalifah dapat memastikan proses transformasi ekonomi negara dilaksanakan secara lebih menyeluruh, berteraskan keadilan sosial serta mampu menjamin kelestarian untuk generasi masa kini dan akan datang (Anwar et al., 2025).

MENGINTEGRASIKAN MAQASID SYARIAH KE DALAM MEKANISME KAWAL SELIA

Pengintegrasian Maqasid Syariah dalam mekanisme kawal selia ekonomi kitaran (CE) memerlukan perubahan asas daripada pendekatan yang hanya menekankan aspek teknikal kepada suatu kerangka yang berpaksikan nilai etika dan prinsip ketuhanan (Mahdi et al., 2024). Dalam konteks Malaysia, transformasi ke arah pembangunan rendah karbon bukan sahaja memerlukan perubahan teknologi, tetapi juga perubahan orientasi tingkah laku pelaku ekonomi daripada pendekatan yang hanya menekankan pematuhan peraturan kepada pendekatan yang menghayati dan menerapkan nilai-nilai Maqasid Syariah sebagai satu tanggungjawab moral serta manifestasi pengabdian kepada Tuhan. Fernandez et al. (2024) mengenal pasti beberapa kekangan dan jurang dasar serta kawal selia yang perlu ditangani bagi menyokong peralihan tenaga Malaysia ke arah net zero. Justeru, mekanisme kawal selia tidak wajar hanya berfungsi sebagai instrumen untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan undang-undang. Sebaliknya, ia perlu dibentuk dengan matlamat yang lebih menyeluruh, iaitu untuk merealisasikan *maslahah* (kesejahteraan) serta mencegah berlakunya *mafsadah* (kerosakan) terhadap alam sekitar secara berterusan dan proaktif (Susana et al., 2025). Dalam konteks kawal selia di Malaysia, prinsip *hifz al-bi'ah* (pemeliharaan alam sekitar) wajar dijadikan elemen teras dalam instrumen dasar seperti Kerangka Dasar Ekonomi Kitaran. Dari sudut pelaksanaan, usaha ini boleh direalisasikan melalui penggabungan penilaian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dengan saringan Syariah yang telah diamalkan dalam pelbagai sektor industri (Ramli et al., 2024). Di samping itu, instrumen seperti Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan dan taksonomi aktiviti ekonomi kitaran boleh diperkasakan dengan penerapan prinsip anti-israf, iaitu mengelakkan pembaziran dalam penggunaan sumber (Pouikli, 2020). Pendekatan ini dapat memastikan sumber semula jadi diurus secara bertanggungjawab dan beramanah, sekali gus memelihara hak serta kepentingan generasi masa hadapan melalui pengagihan manfaat yang lebih adil dan lestari.

Penggunaan teknologi digital seperti *Blockchain* dan Internet Kebendaan (IoT) dalam pasaran penjanaan nilai daripada sisa turut menjadi instrumen penting dalam memperkukuh prinsip amanah dan ketelusan dalam pengurusan sisa. Ketersediaan data yang lebih tepat dan telus membolehkan proses pemantauan terhadap jejak karbon serta kitaran bahan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, keberhasilan dasar dan mekanisme kawal selia dapat dinilai melalui metrik kebangsaan yang dibangunkan selaras dengan matlamat dan nilai yang digariskan oleh Syariah (Singh et al., 2023).

Seterusnya, instrumen kewangan Islam seperti sukuk hijau, wakaf alam sekitar dan zakat wajar diintegrasikan dalam kerangka kawal selia sebagai bentuk insentif kepada syarikat yang mengamalkan model perniagaan berasaskan ekonomi kitaran. Di

samping itu, mekanisme kawal selia perlu memastikan pencapaian matlamat *al-'adl* (keadilan ekonomi), iaitu pelaksanaan ekonomi kitaran tidak hanya memberi manfaat kepada pihak korporat semata-mata, tetapi turut melindungi golongan rentan serta pekerja dalam sektor sisa tidak formal. Secara keseluruhannya, Elamin (2023) berpandangan bahawa integrasi ini berpotensi melahirkan sebuah "Ekonomi Adil" yang menyeimbangkan keperluan pembangunan manusia dengan kelestarian ekosistem ciptaan Tuhan.

CABARAN, JURANG DAN PELUANG PELAKSANAAN

Analisis terhadap landskap ekonomi kitaran di Malaysia menunjukkan beberapa cabaran bersifat sistemik, khususnya penguasaan paradigma yang berorientasikan keuntungan semata-mata sehingga aspek tanggungjawab terhadap alam sekitar sering diketepikan. Selain itu, kos permulaan yang tinggi bagi pelaburan dalam teknologi kitar semula serta pembangunan infrastruktur hijau turut menjadi halangan utama, terutamanya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang merupakan tunjang ekonomi negara. Di samping itu, wujud jurang antara teori Maqasid Syariah dengan pelaksanaan sebenar dalam industri, apabila tahap kesedaran dalam kalangan pihak berkepentingan masih rendah, sekali gus memperlahankan proses peralihan daripada model ekonomi linear kepada model ekonomi kitaran (Ting et al., 2023).

Fragmentasi Institusi: Punca Perlembagaan, Perundangan dan Dasar

Fragmentasi institusi dalam pelaksanaan ekonomi kitaran di Malaysia perlu dianalisis sebagai isu koordinasi pentadbiran kesan daripada pembahagian kuasa perundangan dan tanggungjawab kerajaan yang berlapis. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan membahagikan bidang kuasa perundangan antara Parlimen dengan badan perundangan negeri melalui Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Pembahagian ini mempunyai implikasi terhadap pengurusan sisa pepejal, kesihatan awam, kerajaan tempatan, tanah dan air, yang melibatkan bidang kuasa serta tanggungjawab institusi yang berbeza. Sebagai contoh, kerajaan tempatan dan tanah pada asasnya merupakan perkara dalam Senarai Negeri, tertakluk kepada pengecualian perlembagaan yang berkenaan, manakala kesihatan awam, sanitasi dan pencegahan penyakit termasuk dalam Senarai Bersama. Oleh itu, peralihan kepada ekonomi kitaran memerlukan penyelarasan antara kuasa persekutuan, bidang kuasa negeri dan pelaksanaan di peringkat pihak berkuasa tempatan, bukannya bergantung pada satu agensi sahaja.

Perbezaan antara Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) turut memperlihatkan kerumitan struktur kawal selia ini. Akta 672 menyediakan kerangka perundangan khusus bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dalam wilayah yang tertakluk kepada pemakaiannya, manakala Akta 171 mengawal selia struktur, fungsi dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia, termasuk fungsi yang berkaitan dengan perkhidmatan tempatan dan kebersihan. Kedua-dua akta

tersebut perlu dibaca berdasarkan skop pemakaian masing-masing dan hubungan dengan undang-undang negeri yang berkenaan. Oleh sebab pelaksanaan Akta 672 tidak meliputi semua negeri secara seragam, pembahagian tanggungjawab dan mekanisme pelaksanaan boleh berbeza mengikut bidang kuasa. Keadaan ini berpotensi menyukarkan penyeragaman sistem pengumpulan, pengasingan, pemulihan bahan dan pengurusan sisa, sekali gus menimbulkan cabaran terhadap pembentukan rantaian nilai ekonomi kitaran yang bersepadu.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif dasar untuk mengatasi cabaran tersebut. Pada tahun 2023, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan mengumumkan penubuhan Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal sebagai platform nasional yang menggunakan pendekatan keseluruhan negara bagi menyatukan pihak berkepentingan dan mempercepatkan peralihan daripada ekonomi linear kepada ekonomi kitaran. Di samping itu, *Malaysia Plastics Sustainability Roadmap 2021–2030* menyediakan hala tuju bagi menangani kemampanan plastik melalui penglibatan kerajaan, industri, institusi kewangan, ahli akademik dan organisasi masyarakat sivil. Inisiatif ini penting kerana ekonomi kitaran melibatkan keseluruhan rantaian nilai, daripada reka bentuk produk dan penggunaan bahan mentah kepada pengumpulan, penggunaan semula dan pemulihan bahan.

Walau bagaimanapun, kewujudan majlis penyelarasan dan pelan hala tuju tidak semestinya menghapuskan fragmentasi perundangan. Dokumen dasar boleh menetapkan keutamaan dan sasaran bersama, tetapi kesan undang-undangnya bergantung pada sifat instrumen, asas kuasa dan mekanisme pelaksanaannya. Oleh itu, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 [Akta A1712) juga wajar diteliti dalam konteks perkembangan kawal selia alam sekitar. Analisis terhadap pindaan tersebut perlu mengenal pasti peruntukan khusus yang relevan serta hubungannya dengan undang-undang pengurusan sisa dan dasar ekonomi kitaran, dan bukannya menganggap pindaan itu sebagai kerangka ekonomi kitaran yang menyeluruh.

Secara keseluruhannya, fragmentasi institusi mencerminkan jurang antara pembahagian kuasa perlembagaan, skop statut yang berbeza dan keperluan pelaksanaan dasar secara rentas sektor. Justeru, kerangka kawal selia ekonomi kitaran berasaskan Maqasid Syariah perlu mengemukakan mekanisme penyelarasan yang lebih jelas, termasuk penetapan tanggungjawab institusi, perkongsian data, sasaran yang boleh diukur dan mekanisme akauntabiliti. Pendekatan ini dapat menyokong pencapaian maslahah awam melalui penggunaan sumber yang lebih cekap, pencegahan kemudaratan alam sekitar dan pengagihan tanggungjawab yang lebih berkesan.

Dari sudut pelaksanaan, dapatan menunjukkan bahawa Kerangka Dasar Ekonomi Kitaran (2024) serta inisiatif di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 masih banyak bersifat teknokratik dan belum disokong secara jelas oleh asas normatif yang berteraskan nilai-nilai Islam. Justeru, wujud keperluan mendesak untuk merapatkan jurang antara pematuhan bersifat teknikal dengan penghayatan etika secara menyeluruh bagi memastikan integriti dalam keseluruhan rantaian nilai. Di samping itu,

Malaysia turut berdepan kekangan dalam pemantauan metrik ekonomi kitaran secara berpusat apabila indikator penting seperti kadar penggunaan bahan kitar semula dan nilai ditambah kasar bagi sektor kitaran masih belum dipantau secara sistematik dan menyeluruh (Munonye, 2025).

Walau bagaimanapun, Harahap et al. (2023) menyatakan bahawa pengintegrasian Maqasid Syariah membuka ruang transformasi yang besar melalui pemanfaatan instrumen kewangan Islam seperti Sukuk Hijau, zakat dan wakaf dalam membiayai projek-projek kelestarian. Malaysia berpotensi untuk menerajui model perniagaan "Halal Hijau" di peringkat global dengan menggabungkan konsep *halalan-tayyiban* bersama teknologi digital seperti rantaian blok (*blockchain*) bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan sisa dan rantaian nilai. Melalui peranan dalam kepimpinan ASEAN terkini, Malaysia juga berpeluang memacu penyelarasan piawaian produk ekonomi kitaran di peringkat serantau yang lebih adil serta menjamin keadilan antara generasi. Secara keseluruhannya, pendekatan berasaskan Maqasid ini mampu membentuk satu sistem ekonomi yang lebih seimbang, beretika dan mampan, di samping mengukuhkan daya tahan industri dalam jangka panjang (Javaid, 2022).

Pengintegrasian Taksonomi Kewangan Mampan dan Tadbir Urus Syariah

Pengukuhan insentif dan pembiayaan bagi ekonomi kitaran boleh dilaksanakan melalui pengintegrasian instrumen kewangan Islam dengan kerangka taksonomi kewangan mampan yang dibangunkan oleh pihak berkuasa kewangan Malaysia. Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan *Climate Change and Principle-based Taxonomy* (CCPT) pada tahun 2021 sebagai panduan kepada institusi kewangan untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan aktiviti ekonomi berdasarkan sumbangannya terhadap mitigasi dan adaptasi perubahan iklim serta kesannya terhadap alam sekitar. CCPT turut mengambil kira prinsip mengelakkan kemudaratan alam sekitar yang signifikan dan langkah pemulihan bagi menyokong peralihan kepada amalan yang lebih mampan (Bank Negara Malaysia, 2021). Sementara itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) memperkenalkan *Principles-Based Sustainable and Responsible Investment Taxonomy for the Malaysian Capital Market* (SRI Taxonomy) pada tahun 2022 bagi membantu pengelasan aktiviti ekonomi yang memenuhi objektif pelaburan mampan, di samping meningkatkan ketelusan dan mengurangkan risiko *greenwashing* (Securities Commission Malaysia, 2022).

Dalam konteks ekonomi kitaran, kedua-dua taksonomi ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk menilai kelayakan alam sekitar sesuatu projek sebelum pembiayaan dipertimbangkan. Sebagai contoh, pembinaan hab kitar semula termaju yang menggabungkan teknologi pengasingan sisa, pemulihan bahan, pemprosesan plastik dan pengurangan sisa ke tapak pelupusan boleh dinilai berdasarkan sumbangannya terhadap kecekapan sumber, pengurangan pencemaran dan mitigasi perubahan iklim. Penilaian tersebut perlu disokong oleh petunjuk prestasi yang boleh diukur, seperti jumlah sisa yang diproses, kadar pemulihan bahan, pengurangan pelepasan dan pengurangan sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Walau bagaimanapun, pengelasan sesuatu aktiviti di bawah taksonomi tidak secara automatik menjamin

kelulusan pembiayaan; keputusan tersebut masih tertakluk pada penilaian risiko, kriteria kelayakan instrumen dan syarat pembiayaan yang berkenaan.

Pengintegrasian taksonomi kewangan mampan dengan tadbir urus Syariah menyediakan lapisan penilaian yang saling melengkapi. CCPT dan SRI Taxonomy memberi tumpuan kepada pengelasan aktiviti serta kesan alam sekitar dan sosial, manakala Kerangka Tadbir Urus Syariah (*Shariah Governance Framework*) menyediakan mekanisme untuk memastikan struktur, kontrak dan pelaksanaan pembiayaan Islam mematuhi prinsip Syariah. Dalam institusi kewangan Islam, penilaian ini boleh melibatkan fungsi pengurusan risiko, pematuhan Syariah dan Jawatankuasa Syariah mengikut tanggungjawab masing-masing serta dasar dan keperluan kawal selia yang terpakai. Oleh itu, kelayakan alam sekitar sesuatu projek tidak dengan sendirinya membuktikan pematuhan Syariah; kedua-dua dimensi perlu dinilai secara berasingan tetapi diselaraskan dalam proses kelulusan, pemantauan dan pelaporan pembiayaan (Bank Negara Malaysia, 2019, 2021).

Dari sudut pelaksanaan, Green Sukuk boleh dipertimbangkan untuk mengumpulkan modal bagi pembinaan atau penaiktarafan hab kitar semula termaju, manakala Green Waqf berpotensi menyokong penyediaan tanah, aset atau kemudahan yang berkaitan dengan pengurusan sisa dan pemulihan sumber. Struktur pembiayaan hendaklah menentukan penggunaan hasil, tanggungjawab pihak terlibat, sasaran impak alam sekitar, kaedah pemantauan dan mekanisme pelaporan. Bagi Green Sukuk, penilaian perlu meliputi kesesuaian struktur dan penggunaan hasil dengan keperluan Syariah serta kriteria pelaburan mampan yang berkenaan. Bagi Green Waqf, pengurusan aset dan hasil wakaf pula perlu mematuhi hukum wakaf, tujuan pewakafan dan keperluan tadbir urus yang terpakai. Penggunaan taksonomi sebagai rujukan penilaian, bersama tadbir urus Syariah dan pengukuran impak yang telus, berpotensi memperkukuh keyakinan pelabur serta mengurangkan risiko tuntutan kelestarian yang tidak disokong oleh bukti.


Pendekatan bersepadu ini selari dengan Maqasid Syariah, khususnya pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dan pertimbangan maslahah awam. Pengurangan pencemaran dan pendedahan masyarakat kepada sisa berbahaya berkaitan dengan perlindungan kesihatan dan kesejahteraan, manakala pemulihan bahan serta penggunaan sumber secara cekap menyokong pemeliharaan nilai ekonomi. Oleh itu, pembiayaan ekonomi kitaran bukan sahaja perlu memenuhi kriteria kelestarian dan pematuhan Syariah, malah perlu menunjukkan manfaat yang nyata kepada masyarakat dan alam sekitar melalui indikator impak yang boleh disahkan.

KERANGKA INTEGRASI KAWAL SELIA EKONOMI KITARAN BERASASKAN MAQASID SYARIAH

Berdasarkan analisis terhadap kerangka perundangan, dasar dan cabaran pelaksanaan ekonomi kitaran di Malaysia, kajian ini mencadangkan Kerangka Integrasi Kawal Selia Ekonomi Kitaran Berasaskan Maqasid Syariah. Kerangka ini menghubungkan prinsip normatif Maqasid Syariah dengan objektif ekonomi kitaran,

instrumen kawal selia, pelaksanaan sektoral serta hasil dan impak yang ingin dicapai. Pendekatan ini bertujuan memastikan bahawa peralihan kepada ekonomi kitaran bukan sahaja tertumpu pada kecekapan penggunaan sumber dan pengurusan sisa, tetapi turut mengambil kira kemaslahatan masyarakat, keadilan sosial, akauntabiliti institusi dan kelestarian antara generasi. Kerangka yang dicadangkan ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1. Kerangka Integrasi Kawal Selia Ekonomi Kitaran Berasaskan Maqasid Syariah



Sumber: Dibangunkan oleh pengarang berdasarkan analisis doktrinal dan dokumen kajian

Kerangka yang dicadangkan ini dibangunkan melalui hubungan berperingkat antara asas normatif Maqasid Syariah, objektif ekonomi kitaran, instrumen kawal selia, pelaksanaan sektoral serta hasil dan impak yang boleh dinilai. Hubungan antara lapisan tersebut bukan sekadar menunjukkan susunan konseptual, tetapi menjelaskan bagaimana prinsip normatif boleh diterjemahkan kepada reka bentuk kawal selia dan tindakan pelaksanaan. Sebagai contoh, prinsip pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan kemaslahatan awam boleh menyokong objektif pengurangan pencemaran serta pengurusan sisa yang lebih selamat. Seterusnya pemeliharaan harta (Hifz al-mal) : pengurangan pembaziran bahan dan insentif penggunaan semula dan pemulihan bahan serta kadar pemulihan bahan atau pengurangan sisa ke tapak pelupusan. Ini juga indikator kualiti alam sekitar atau pendedahan risiko. Namun, indikator tersebut

ialah cadangan penilaian, bukan ukuran yang telah diuji oleh kajian ini. Objektif tersebut seterusnya boleh diterjemahkan melalui instrumen perundangan, dasar, piawaian dan insentif yang bersesuaian, sebelum dinilai berdasarkan indikator seperti pengurangan sisa ke tapak pelupusan, peningkatan pemulihan bahan dan pengurangan risiko pencemaran kepada masyarakat.

Dalam kerangka ini, Maqasid Syariah berfungsi sebagai asas normatif untuk menilai tujuan, keadilan dan impak kawal selia, bukannya sebagai pengganti kepada kuasa undang-undang atau mandat institusi sedia ada. Oleh itu, pelaksanaannya perlu membezakan kewajipan yang ditetapkan oleh undang-undang daripada sasaran dasar, garis panduan dan insentif yang mempunyai sifat serta kesan berbeza. Pembahagian tanggungjawab antara agensi Persekutuan, kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan juga perlu dihormati. Pendekatan ini membolehkan kerangka yang dicadangkan menghubungkan nilai Maqasid dengan instrumen pelaksanaan yang praktikal, sambil mengekalkan ketepatan undang-undang dan menyediakan asas bagi pemantauan serta akauntabiliti.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa cabaran utama dalam pembangunan ekonomi kitaran di Malaysia bukanlah ketiadaan instrumen perundangan dan dasar yang relevan, tetapi fragmentasi kawal selia, ketidakseragaman tahap kebolehkuatkuasaan serta kekurangan penyelarasan antara instrumen dan institusi yang terlibat. Analisis terhadap Kerangka Dasar Ekonomi Kitaran dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 menunjukkan bahawa asas dasar bagi menyokong peralihan kepada ekonomi kitaran telah tersedia. Walau bagaimanapun, hubungan antara objektif dasar, kewajipan undang-undang, mekanisme pelaksanaan dan akauntabiliti institusi masih memerlukan pengukuhan. Isu ini dapat dilihat melalui keperluan untuk memperjelas kedudukan instrumen seperti Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan dan taksonomi aktiviti ekonomi kitaran, khususnya dari segi status perundangan, skop tanggungjawab serta mekanisme pelaksanaannya.

Bagi menangani cabaran tersebut, sumbangan utama kajian ini ialah cadangan Kerangka Integrasi Kawal Selia Ekonomi Kitaran Berasaskan Maqasid Syariah. Kerangka ini menghubungkan prinsip normatif Maqasid Syariah dengan objektif dasar, instrumen kawal selia, pelaksanaan sektoral serta indikator hasil dan impak. Melalui integrasi ini, Maqasid Syariah bukan sekadar menjadi asas etika yang melengkapi pematuhan undang-undang, tetapi turut menyediakan orientasi normatif untuk menilai kemaslahatan awam, keadilan dalam penggunaan sumber dan kelestarian antara generasi. Prinsip pemeliharaan nyawa, akal, keturunan dan harta, sebagai sebahagian daripada keperluan *daruriyyat*, boleh digunakan untuk menilai sejauh mana dasar dan instrumen ekonomi kitaran menyokong pengurangan pencemaran, penggunaan sumber yang bertanggungjawab serta pengurangan pembaziran. Walau bagaimanapun, kerangka yang dicadangkan ini merupakan kerangka analitis yang masih memerlukan penilaian sebelum keberkesanan pelaksanaannya dapat dipastikan.

Dari sudut implikasi institusi, dapatan kajian menegaskan keperluan untuk memperkukuh penyelarasan antara pembuat dasar, badan pengawal selia dan institusi pelaksana bagi memastikan objektif ekonomi kitaran diterjemahkan kepada tanggungjawab yang jelas, mekanisme pemantauan yang konsisten dan akauntabiliti yang berkesan. Pengintegrasian Maqasid Syariah boleh menyokong proses ini dengan menyediakan dimensi penilaian yang merangkumi bukan sahaja kecekapan ekonomi dan pematuhan peraturan, tetapi juga keadilan sosial, kemaslahatan masyarakat dan tanggungjawab terhadap generasi akan datang. Instrumen kewangan Islam seperti sukuk hijau, zakat dan wakaf pula berpotensi menyokong pembiayaan infrastruktur serta inisiatif ekonomi kitaran, tertakluk pada struktur, kelayakan dan keperluan tadbir urus masing-masing.

Kesimpulannya, peralihan kepada ekonomi kitaran yang mampan di Malaysia memerlukan lebih daripada pengenalan dasar atau pematuhan terhadap instrumen perundangan secara berasingan. Peralihan tersebut menuntut pendekatan kawal selia yang lebih bersepadu, pembahagian tanggungjawab institusi yang jelas dan penilaian pelaksanaan yang berteraskan prinsip kemaslahatan serta kelestarian. Kerangka Integrasi Kawal Selia Ekonomi Kitaran Berasaskan Maqasid Syariah yang dicadangkan dalam kajian ini menawarkan asas konseptual untuk menyokong penyelarasan tersebut. Kajian lanjutan wajar menilai kebolehlaksanaan kerangka ini, termasuk kesesuaiannya dengan struktur institusi sedia ada, pemilihan indikator yang boleh diukur dan mekanisme penyelarasan antara instrumen dasar dengan kewajipan undang-undang. Usaha ini penting bagi memastikan ekonomi kitaran berkembang sebagai pendekatan pembangunan yang bukan sahaja cekap dari segi penggunaan sumber, tetapi juga adil, bertanggungjawab dan mampan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan institusi dan kemudahan yang disediakan sepanjang kajian ini. Kajian dan penerbitan ini telah dibiayai oleh Geran Penyelidikan Universiti (Kod: GUP 023-24), Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

Afandi, M., & Rahma, N. (2025). Circular Economy and Maqasid al-Shari'ah: A Conceptual Framework for Islamic Economic Reform. *Global Review of Islamic Economics and Business*, 13(2), 135-153. https://doi.org/10.14421/grieb.2025.132-03

Ahmed, H. (2026). Islamic economic systems and sustainable development: Islamic capitalism versus insanism (Islamic humanism). Intellectual Discourse, 34(1), 79–102. https://doi.org/10.31436/id.v34i1.2499

Ahmed, S., Ahsan, N., Alam, S., & Kokash, H. (2025). Advancing Circular Economy Implementation in Malaysian SMEs: The Role of Financial Resources, Operational Alignment, and Absorptive Capacity. *Circular Economy and Sustainability*, 5, 2843-2871. https://doi.org/10.1007/s43615-025-00533-3

Ali, N., Lee, Y., Alias, A., & Rahman, R. (2024). Integration of Circular Economy into Design and Construction of Infrastructure Projects in Malaysia: Barriers and Countermeasures. *Planning Malaysia*. https://doi.org/10.21837/pm.v22i32.1497

Anwar, D., Wahab, A., & Waris, W. (2025). Maqasid Syariah and Sustainable Development: Integrating Islamic Objectives into Economic Planning. *Formosa Journal of Multidisciplinary Research*. https://doi.org/10.55927/fjmr.v4i6.269

Arai, R., Friant, C., & Vermeulen, W. (2023). The Japanese Circular Economy and Sound Material-Cycle Society Policies: Discourse and Policy Analysis. *Circular Economy and Sustainability*, 4, 619-650. https://doi.org/10.1007/s43615-023-00298-7

Awosusi, A., Eweade, B., & Ojekemi, O. (2024). Analyzing the Environmental Role of Resource Efficiency, Economic Globalization, and Biomass Usage in Malaysia: A Time-Varying Causal Approach. *Environment, Development and Sustainability*. https://doi.org/10.1007/s10668-024-05196-y

Azizah, A., Djalaluddin, A., & Siswanto, S. (2022). Waste Management Based on Maqashid Shari'ah and Circular Economy: Evidence in Blitar Regency. *Maliki Islamic Economics Journal*. https://doi.org/10.18860/miec.v1i2.15818

Bank Negara Malaysia. (2019). Shariah Governance. Policy document.

Bank Negara Malaysia. (2021). Climate Change and Principle-based Taxonomy.

Securities Commission Malaysia. (2022). Principles-Based Sustainable and Responsible Investment Taxonomy for the Malaysian Capital Market.

Bidin, Z., Bohari, A., Hashim, N., Zanudin, K., & Lestari, L. (2023). Evolution of Malaysia's Plans, Policies, Initiatives and Strategies on Green Procurement Implementation: A Review. *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology*. https://doi.org/10.30880/ijscet.2023.14.05.020

Bonoli, A., Zanni, S., & Serrano-Bernardo, F. (2021). Sustainability in Building and Construction within the Framework of Circular Cities and European New Green Deal: The Contribution of Concrete Recycling. *Sustainability*. https://doi.org/10.3390/su13042139

Borchert, F., Beronius, A., & Ågerstrand, M. (2022). Characterisation and Analysis of Key Studies Used to Restrict Substances under REACH. *Environmental Sciences Europe*, 34, 1-15. https://doi.org/10.1186/s12302-022-00662-8

Boulding, K. E. (1966). The economics of the coming Spaceship Earth. In H. Jarrett (Ed.), (2013) *Environmental Quality in a Growing Economy: Essays from the Sixth RFF Forum*. Vol.3.

Campra, M., Brescia, V., Jafari-Sadeghi, V., & Calandra, D. (2021). Islamic Countries and Maqasid al-Shariah towards the Circular Economy: The Dubai Case Study. *European Journal of Islamic Finance*, 17, 1-10.

Chen, H. L., Nath, T. K., Chong, S., Foo, V., Gibbins, C., & Lechner, A. M. (2021). The plastic waste problem in Malaysia: Management, recycling and disposal of local and global plastic waste. SN Applied Sciences, 3, Article 437. https://doi.org/10.1007/s42452-021-04234-y

Daumaa, A., & Chashida, C. (2025). Analysis of the Implementation of Circular Economy from an Islamic Economic Perspective. *Seriat Ekonomisi*, 2(4), 156-166. https://doi.org/10.35335/kxrfa021

Eelager, M. P., Dalbanjan, N. P., Madihalli, S., Madar, M., Agadi, N. P., Korganokar, K., & Kiran, B. (2025). Pathways to a sustainable future: Exploring the synergy between sustainability and circular economy. *Sustainable Futures*. https://doi.org/10.1016/j.sftr.2025.101208

Elamin, M. O. (2023). Advancing Ethical and Sustainable Economy: Islamic Finance Solutions for Environmental, Social, & Economic Challenges in the Digital Age. *International Journal of Membrane Science and Technology*. https://doi.org/10.15379/ijmst.v10i5.2

Emami, N., Miatto, A., Gheewala, S., Soonsawad, N., Nguyen, T., Chiu, A., Gue, I., Martinico-Perez, M., Vilaysouk, X., & Schandl, H. (2025). Measuring Progress toward a Circular Economy of the ASEAN Community. *Journal of Industrial Ecology*, 29, 129-144. https://doi.org/10.1111/jiec.13597

Fatimah, Y., Govindan, K., Murniningsih, R., & Setiawan, A. (2020). Industry 4.0 Based Sustainable Circular Economy Approach for Smart Waste Management System to Achieve Sustainable Development Goals: A Case Study of Indonesia. *Journal of Cleaner Production*, 269, 122263. https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2020.122263

Fernandez, M. I., Go, Y. I., Wong, M. L. D., & Früh, W.-G. (2024). Malaysia's energy transition and readiness towards attaining net zero: review of the potential, constraints, and enablers. *Renewable Energy Focus*. https://doi.org/10.1016/j.ref.2024.100640

Harahap, A.K.Z., Rahmat. (2026). Green Halal Business Model: Integrating Maqasid al-Shari'ah into Circular Economy Practices for Sustainable Competitive Advantage. *Sharia Economic and Management Business Journal (SEMBJ),* 7(1), 200-206.https://doi.org/10.62159/sembj.v7i1.1938

Harahap, B.; Risfandy, T.; Futri, I.N. (2023) Islamic Law, Islamic Finance, and Sustainable Development Goals: A Systematic Literature Review. Sustainability, 15, 6626. https://doi.org/10.3390/ su1508662

Idris, S., Noor, N., & Arifin, R. (2025). Food Waste Management in Malaysia: A Systematic Review of Legal and Policy Approaches. *Jambe Law Journal*, 8(1), 363. https://doi.org/10.22437/home.v8i1.363

Javaid, O. (2022). The Principles of a Circular Economy in the Light of Islamic Values and Beliefs. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, *12*(1), 166–183. https://doi.org/10.32350/jitc.121.12

Khuluq, M. K., & Asmuni, A. (2025). Hifz Al-Bi'ah as Part of Maqashid Al-Shari'ah and Its Relevance in the Context of Global Climate Change. *Indonesian Journal of Interdisciplinary Islamic Studies*. https://doi.org/10.20885/ijiis.vol7.iss2.art3

Klongrua, S., Umuri, K., & Muftahuddin, M. (2025). Maqasid al-Shariah and Environmental Sustainability: An Islamic Economic Perspective. *International Journal of Kita Kreatif*, 2(1). https://doi.org/10.24815/ijkk.v2i1.44790

Knoblauch, D., Mederake, L., & Stein, U. (2018). Developing Countries in the Lead-What Drives the Diffusion of Plastic Bag Policies? *Sustainability*. https://doi.org/10.3390/su10061994

Mahdi, N. A. N., Fernando, Y., & Ibrahim, A. (2024). Revealing the Path to a Green Economy: Insights and Recommendations for Sustainable Development in Malaysia. *International Journal of Integrated Engineering*, 16(2). https://doi.org/10.30880/ijie.2024.16.02.026

Millar, N., McLaughlin, E., & Börger, T. (2019). The Circular Economy: Swings and Roundabouts? *Ecological Economics*. https://doi.org/10.1016/j.ecolecon.2018.12.012

Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI). (2024). *Circular economy policy framework for the manufacturing sector in Malaysia*. CIRCULAR ECONOMY POLICY FRAMEWORK.pdf

Munonye, W. C. (2025). Towards Circular Economy Metrics: A Systematic Review. *Circular Economy and Sustainability*, 5, 4093-4135. https://doi.org/10.1007/s43615-025-00604-5

Murthy, V., & Ramakrishna, S. (2022). A Review on Global E-Waste Management: Urban Mining towards a Sustainable Future and Circular Economy. *Sustainability*. https://doi.org/10.3390/su14020647

Musari, K., & Zaroni, Z. (2021). Reverse Logistics in the Age of Digital Transformation for Circular Economy and Halal Logistics Through the Leadership of Asia. In *Reverse Logistics Book Chapter*, 83-103. https://doi.org/10.4018/978-1-7998-6477-6.ch006

Philip, L., Emir, F., & Udemba, E. (2022). Investigating the Possibility of Achieving Sustainable Development Goals through Renewable Energy, Technological Innovation, and Entrepreneurship: A Study of Global Best Practice Policies. *Environmental Science and Pollution Research International*, 29, 60302-60313. https://doi.org/10.1007/s11356-022-20099-z

Pouikli, K. (2020). Concretising the role of extended producer responsibility in European Union waste law and policy through the lens of the circular economy. *ERA Forum*, 20, 491-508. https://doi.org/10.1007/s12027-020-00596-9

Priyatno, P., Ridwan, A., & Syarif, N. (2025). Circular Economy Philosophy Based on Hifz al-Bi'ah for Economic Justice. *Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 6(2). https://doi.org/10.47700/jiefes.v6i2.12741

Qiu, Y., Zhang, Y., & Liu, M. (2022). Dual process model of farmers' mindfulness and sustainable economic behavior: Mediating role of mental health and emotional labor. *Frontiers in Psychiatry*, 13. https://doi.org/10.3389/fpsyt.2022.979979

Ramli, N., Nor, F. M., Aziz, M. R. A., Shahwan, S., Marzuki, A., Basah, M. Y. A., & Sabri, H. (2024). Application of Maqasid al-Shariah in responsible investment (MSRI) and practices towards ESG. *Journal of Infrastructure, Policy and Development*. https://doi.org/10.24294/jipd5864

Rizos, V., & Bryhn, J. (2022). Implementation of Circular Economy Approaches in the Electrical and Electronic Equipment (EEE) sector: Barriers, Enablers and Policy Insights. *Journal of Cleaner Production*. https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2022.130617

Singh, S., Chhabra, R., & Arora, J. (2023). A Systematic Review of Waste Management Solutions Using Machine Learning, Internet of Things and Blockchain Technologies: State-of-the-Art, Methodologies, and Challenges. *Archives of Computational Methods in Engineering*, 31, 1255–1276. https://doi.org/10.1007/s11831-023-10008-z

Sugirman, A. (2023). The Principle of Intergenerational Justice in Environmental Management and Its Relation to the Concept of Sustainable Development. *Al-Bayyinah*, 7(1). https://doi.org/10.30863/al-bayyinah.v7i1.4367

Susana, L. M., Tripalupi, R. I., Kholil, S., Efendi, N., & Sakinah, G. (2025). Reconstructing Islamic Legal Norms in Environmental Governance: A Maqasid-Based Legal Critique of Indonesia's Resource Policies. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 10(2). https://doi.org/10.29240/jhi.v10i2.1

Ting, L. S., Zailani, S., Sidek, N. M., & Shaharudin, M. R. (2023). Motivators and barriers of circular economy business model adoption and its impact on sustainable production in Malaysia. *Environment, Development and Sustainability*, 1-28. https://doi.org/10.1007/s10668-023-03350-6

Tong, X., Wang, T., Li, J., & Wang, X. (2024). Extended producer responsibility to reconstruct the circular value chain. *Circular Economy*. https://doi.org/10.1016/j.cec.2024.100076

Tripon, C., Gonta, I., & Bulgac, A. (2023). Nurturing Minds and Sustainability: An Exploration of Educational Interactions and Their Impact on Student Well-Being and Assessment in a Sustainable University. *Sustainability*, 15(12), 9349. https://doi.org/10.3390/su15129349

Velenturf, A. P. M., & Purnell, P. (2021). Principles for a sustainable circular economy. Sustainable Production and Consumption, 27, 1437–1457. https://doi.org/10.1016/j.spc.2021.02.018

WWF-Malaysia. (2020). Study on EPR scheme assessment for packaging waste in Malaysia. World Wide Fund for Nature-Malaysia. Study on Extended Producer Responsibility (EPR) Scheme Assessment for Packaging Waste in Malaysia | WWF Malaysia

Yoshida, A. (2022). China's Ban on Imported Recyclable Waste and Its Impact on the Waste Plastic Recycling Industry in China and Taiwan. *Journal of Material Cycles and Waste Management*, 24, 73-82. https://doi.org/10.1007/s10163-021-01297-2

Yussuf, Y.C. (2022). A Critical Assessment of the Circular Economy Concept in the Light of Maqasid Al Shariah. *İslam Ekonomisi ve Finansı Dergisi (İEFD) / Journal of Islamic Economics and Finance*, 8(2), 291-318. https://doi.org/10.54863/jief.1074828

Zainal, M., & Abas, Z. (2019). Adoption of Circular Economy for a Sustainable Solid Waste Management System in Malaysia. *Malaysian Management Journal*. https://doi.org/10.32890/mmj.22.2018.9670